

22 JAN 2002

Mahathir-Pekerja

MALAYSIA KAJI SEMULA PENGAMBILAN PEKERJA INDONESIA, KATA PM

BANGI, 22 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan mengkaji semula pengambilan pekerja dari Indonesia berikutan masalah yang ditimbulkan oleh mereka sejak kebelakangan ini.

Perdana Menteri berkata kerajaan tidak lagi boleh memandang ringan pelbagai masalah yang ditimbulkan oleh mereka.

"Saya fikir jumlah mereka terlalu ramai, kalau jadi gerakan secara besar-besaran, kita akan hadapi masalah," katanya pada sidang media selepas merasmikan Hari Kerjaya Ke-20 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di kampus induknya di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kejadian pergaduhan antara dua puak pendatang dari Aceh, Indonesia di Kampung Limau Manis, Dengkil, Ahad lepas yang memusnahkan kedai-kedai yang diusahakan oleh warga asing itu dan juga kerosakan kepada kenderaan yang diletakkan di situ.

Kejadian itu berlaku hanya empat hari selepas kira-kira 500 pekerja warga Indonesia merusuh dan menyerang anggota polis di asrama lelaki Kilang Hualon Corporation (M) Sdn Bhd, Nilai, Negeri Sembilan semasa satu operasi membanteras penyalahgunaan dadah.

Dr Mahathir berkata secara kebetulan beliau lalu di kawasan kejadian terbaru itu dan nampak kebakaran yang berlaku dan kehadiran anggota polis.

Dr Mahathir turut menceritakan pengalamannya sebelum ini ketika terserempak dengan pendatang tanpa izin sewaktu memandu di Putrajaya dengan diiringi kereta polis.

"Bila nampak polis, dia lari masuk entah ke mana. Rupa-rupanya, pekerja di Putrajaya itupun pendatang tanpa izin. Kita tak boleh pandang ringan lagilah," katanya.

Ditanya sama ada langkah mengkaji semula pengambilan pekerja Indonesia akan melumpuhkan sektor industri tertentu di negara ini, Dr Mahathir berkata mungkin pekerja dari negara lain boleh menjalankan kerja di sektor berkenaan.

Perdana Menteri berkata selain meningkatkan kawalan di pantai yang menjadi tempat pendaratan pendatang tanpa izin, kerajaan juga akan menghantar balik pendatang asing yang tidak mempunyai permit kerja.

Bagi mereka yang ada pekerjaan pula, jumlah mereka akan dikurangkan, katanya.

Dr Mahathir berkata selama ini kerajaan beranggapan bahawa pekerja Indonesia tentu rasa bersyukur dengan peluang pekerjaan di negara ini.

"Tapi nampaknya mereka nak buat undang-undang sendiri, nak tolak undang-undang kita, itu kita tak boleh terima," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia sendiri patuh kepada undang-undang di negara ini dan kerajaan tidak boleh bertolak ansur jika pendatang asing tidak patuh kepada undang-undang Malaysia.

Beliau berkata kerajaan juga akan meneliti dan menghalusi kemudahan yang diberikan kepada pendatang asing di negara ini termasuk pemberian status penduduk tetap (status PR) kepada mereka.

Ini kerana ada antara mereka yang diberikan kemudahan itu didapati terlibat dalam kegiatan menentang kerajaan.

"Saya diberitahu bahawa seorang daripada mereka yang diberi status PR ialah anggota Kumpulan Militan Malaysia (KMM)," katanya.

-- BERNAMA

AFY MAM PR